

Kegiatan Kemasyarakatan Warnai Lawatan Raja Muda Perlis Ke Kawasan Ops Pasir
Bername
3 Ogos, 2012

KANGAR, 3 Ogos (Bernama) -- Pelbagai kegiatan kemasyarakatan mewarnai lawatan kerja Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil ke kawasan Ops Pasir di Sandakan, Sabah selama empat hari yang berakhir Khamis.

Kesemua kegiatan itu dianjurkan oleh jabatan dan agensi serta sektor swasta yang menyertai lawatan yang diketuai Raja Muda Perlis selaku Komander Rejimen 504 Askar Wataniah itu.

"Antara kegiatan itu ialah penganjuran kempen "Memerangi Keganasan Terhadap Wanita" anjuran Jabatan Pembangunan Wanita Perlis di Kem Sri Kinabatangan yang dirasmikan Raja Puan Muda Perlis," demikian menurut siaran media yang dikeluarkan urusetia lawatan kerja itu pada Jumaat.

Turut diadakan ialah kempen penjagaan serta pemuliharaan alam sekitar di Pulau Selingan anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kempen Kesedaran Kesihatan oleh Jabatan Kesihatan Perlis di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sandakan dan promosi "Mengubah Destinasi Anak Bangsa" anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM Perlis) di SMK Batu Sapi.

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Perlis dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Perlis pula secara bersama menganjurkan kempen keselamatan jalan raya SMK Batu Sapi manakala Jabatan Mufti Perlis menyampaikan sumbangan buku dan risalah kepada semua kem tentera, masjid dan surau yang disinggahi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685477>

